

# DAP sering mulakan isu sensitif

LANGKAWI: Perdana Menteri menjelaskan beliau membangkitkan isu mengenai DAP dan agama Islam baru-baru iniseltelah Setiausaha Agung Lim Kit Siang terlebih dahulu menimbulkan isu sensitif.

Datuk Seri Dr Mahathir ~~Mohamad berkata, punca~~ ~~beliau menimbulkan~~ perkara itu ialah kerana Lim selalu membangkitkan isu sensitif.

"Dia yang mula, bukan saya yang mula," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini ketika diminta mengulas laporan polis yang dibuat oleh Lim terhadapnya, semalam.

Ketika diminta mengulas kemungkinan Lim menyamannya, Perdana Menteri berkata: "Kalau dia ada asas, dia nak dakwa di mahkamah. itu hak dia."

Dr Mahathir baru-baru ini mendakwa DAP sebagai sebuah parti yang tidak suka kepada agama Islam kerana parti itu tidak pernah membantah sekiranya orang Cina memeluk agama lain, tetapi sebaliknya suka mendesak orang Cina yang menganut agama Islam supaya meninggalkan agama itu.

Ketika mengulas laporan akhbar mengenai resolusi yang diluluskan pada Kongres Ekonomi Cina Malaysia Kedua baru-baru ini, yang mendesak supaya kerajaan menghapuskan perbezaan taraf di antara Bumiputera dan bukan Bumiputera serepat mungkin, beliau berkata:

"Itu dia punya desakan...sama ada kita layan atau tidak itu perkara lain...terpulanglah kepada kita untuk membuat keputusan apa pun."

Ketika ditanya sama ada wajar atau tidak desakan itu dibuat, Dr Mahathir berkata. sesetengah orang berpendapat bahawa desakan itu tidak wajar tetapi mereka yang membuat desakan itu berfikir mungkin apa salahnya mereka membuat desakan seumpama itu.